

NO. SOALAN: 63

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN M. KULASEGARAN [ IPOH BARAT ]**

**TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan M. Kulasegaran [ Ipoh Barat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada kabinet masih komited kepada keputusan kabinet yang telah diputuskan pada tahun 2009 iaitu pengharaman terhadap penukaran dan pengislaman unilateral kanak-kanak yang berusia 18 tahun ke bawah kepada agama Islam.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari permasalahan agama anak yang berbangkit dari pemelukan agama Islam oleh salah seorang ibu atau bapa. Dalam hal ini, apa-apa penyelesaian yang hendak dibuat perlu merujuk kepada Fasal 4 Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa agama bagi kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun hendaklah

ditetapkan oleh ibu atau bapa atau penjaganya. Dalam kes **Subashini a/p Rajasingam lawan Saravanan a/l Thangathoray [2008] 2 MLJ 147**, Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa berdasarkan Fasal 4 Perkara 12 Perlembagaan Persekutuan, agama anak yang berumur di bawah 18 tahun boleh ditentukan oleh ibu atau bapa masing-masing.

Berdasarkan keputusan kes tersebut, persetujuan salah satu pihak sahaja adalah memadai dalam penentuan agama seorang kanak-kanak kerana perkataan yang digunakan dalam Fasal 4 Perkara 12 ini adalah *parent or guardian* yang mana bermaksud ibu atau bapa atau penjaga. Pada masa yang sama, mana-mana orang yang ingin memeluk agama Islam, adalah tertakluk kepada peruntukan berkenaan pemelukkan agama Islam dalam Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri dan Perlembagaan Persekutuan.

Kerajaan juga sentiasa bekerjasama dengan negeri-negeri bagi mencari mekanisma yang terbaik melalui pendekatan yang holistik dalam memastikan keadilan dan kebijakan pihak-pihak terpelihara.

Sekian, terima kasih.